

# HYTRIN

## Terazosin hydrochloride

---

### Apakah yang ada pada risalah ini

---

Risalah ini menjawab pertanyaan am mengenai HYTRIN. Ia tidak meliputi keseluruhan maklumat. Ia juga tidak mengambil alih tugas para doktor dan ahli farmasi.

Semua ubat mempunyai risiko dan feadahnya yang tersendiri. Doktor telah pun meneliti faedah yang dapat diperolehi oleh anda berbanding risikonya.

**Sekiranya anda mempunyai sebarang kemusykilan semasa mengambil ubat ini, sila rujuk pada doktor dan ahli farmasi anda.**

**Simpan risalah ini bersama ubatnya.** Anda mungkin perlu membacanya lagi.

---

### Apakah kegunaan HYTRIN

---

HYTRIN hanya boleh diperolehi dengan preskripsi doktor.

HYTRIN mungkin diberikan oleh para doktor berdasarkan satu atau dua kondisi yang berbeza.

1. HYTRIN dapat merawat kondisi yang dipanggil *benign prostatic hyperplasia* di mana terdapat kelenjar prostat yang membengkak yang menjurus kepada kesukaran membuang air kencing. Kebiasaannya pengaliran air kencing akan menjadi lemah dan anda mungkin rasa kerap ingin membuang air kencing ( pada malam dan siang hari).

2. HYTRIN juga boleh merawat tekanan darah tinggi (hipertensi) pada wanita dan lelaki.

**Tanyalah pada doktor sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan HYTRIN.**

Doktor anda mungkin memberi HYTRIN atas pandangan yang berbeza.

---

### Bagaimana HYTRIN berfungsi

---

HYTRIN boleh meregangkan ketegangan otot pada kelear prostate dan pundi kencing untuk melegakan simptom seperti gangguan pada pengaliran air kencing.

---

### Sebelum mengambil HYTRIN

---

● ***Bila tidak boleh mengambil*** Jangan ambil HYTRIN sekiranya anda mempunyai alahan pada:

- ubatan yang seakan seperti prazosin (minipress)
- sebarang bahan yang tercatat pada akhir risalah maklumat ini.

**Tanya doktor sekiranya anda kurang pasti.**

Sesetengah simptom tindak balas alahan merangkumi nafas pendek, berdehit, kesukaran bernafas, bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian lain pada badan; ruam atau kegatalan pada kulit.

**Beritahulah doktor anda sekiranya anda mengandung atau merancang untuk mengandung atau penyusuan badan.** Doktor anda dapat memberitahu mengenai risiko dan faedah yang mungkin terjadi.

**Kesan dos pertama HYTRIN.**

HYTRIN mungkin menyebabkan tekanan darah rendah setelah pengambilan dos pertama. Sesetengah pesakit mungkin merasa pening dan pitam. Untuk mengelak daripada kejadian ini, terdapat pek permulaan yang boleh membantu anda meningkatkan dos secara perlahan-lahan. Kebiasaannya pening kepala adalah kesan sampingan yang tidak berterusan. Oleh itu, bagi 4 hari pertama digalakkan pesakit mengambil 1mg (putih) pil perlu sebelum tidur. Selepas jangkamasa ini, pesakit digalakkan untuk mengambil pil ini pada setiap pagi bagi memanjangkan kesan faedahnya.

Sebarang dengupan jantung yang tidak stabil, pening kepala atau kepala berasa ringan yang dialami boleh

dikurangkan dengan berdiri secara perlahan selepas duduk atau baring dan tunggu sehingga kesan sampingan tersebut hilang sebelum berjalan. Kesan ini akan berkurangan setelah badan anda menjadi biasa dengan pengambilan ubat ini.

**Jangan menggunakan HYTRIN selepas tarikh luput yang tercetak pada bungkusan.** Sekiranya anda tetap mengambilnya juga, ia mungkin tidak berkesan.

**Jangan menggunakan HYTRIN sekiranya bungkusan tersebut didapati koyak atau kemek.** Sekiranya anda kurang pasti untuk mengambil HYTRIN, sila hubungi doktor anda.

● ***Sebelum mula mengambil*** Beritahu doktor sekiranya anda alah pada

- sebarang ubat lain
- sebarang bahan lain seperti makanan, pewarna dan bahan pengawet.

**Beritahu doktor sekiranya anda pernah mengalami sebarang kondisi yang melibatkan**

- masalah jantung
- tekanan darah rendah

**Sekiranya anda tidak pernah memberitahu doktor anda mengenai perkara di atas, beritahulah sebelum mengambil HYTRIN**

● ***Jika mengambil ubat-ubat lain*** Beritahu doktor anda sekiranya anda mengambil ubatan lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa perskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan sihat.

Doktor dan ahli farmasi mungkin mempunyai lebih maklumat berkenaan ubat yang perlu dititik berat atau dielakkan semasa mengambil HYTRIN.

# HYTRIN

## Terazosin hydrochloride

---

### Cara menggunakan HYTRIN

---

- **Berapa banyak harus diambil** Ikut setiap langkah yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi kepada anda secara teliti.

Ia mungkin berbeza dari maklumat yang terkandung dalam sisip bungkusan. Sekiranya anda kurang memahami langkah yang tertera pada kotak/ botol, tanyalah pada doktor atau ahli farmasi anda untuk sebarang bantuan.

Telan pil tersebut bersama segelas air.

- **Bila perlu diambil**

Kebiasaannya pesakit akan mengambil HYTRIN sebelum waktu tidur untuk 4 malam pertama bagi mengurangkan rasa pening. Setelah itu, ubat biasanya diambil sekali sehari pada setiap pagi. Pengambilan ubat secara tetap pada setiap hari adalah efektif di samping membantu anda untuk mengingati waktu pengambilan ubat.

HYTRIN boleh diambil bersama atau tanpa sebarang makanan.

Doktor akan memberikan dos yang sesuai bergantung pada keadaan serta kesan anda terhadap ubat ini. HYTRIN hanya melegakan keadaan anda. Ia tidak menyembuhkan. HYTRIN selalunya diambil secara berterusan bagi mengelakkan sebarang simptom.

- **Berapa lama perlu diambil** Teruskan mengambil ubat ini sehingga diberitahu doktor.

Rawatan dengan HYTRIN selalunya mengambil jangka masa yang panjang. Teruskan mengambil HYTRIN selagi dicadangkan doktor.

- **Jika terlupa mengambil** Sekiranya anda terlupa mengambil dos pada masa yang ditetapkan, ambil dos seterusnya bagi masa yang berikutnya atau ambil apabila anda ingat dan kemudian teruskan seperti biasa.

Jangan tambahkan dos anda untuk melengkapkan dos yang telah tertinggal. Ini mungkin memberi kesan sampingan yang tidak dikehendaki.

Sekiranya anda terlupa lebih dari satu dos atau tidak pasti apa perlu dilakukan, tanyalah pada doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya anda mempunyai masalah untuk mengingati waktu pengambilan ubat, sila hubungi ahli farmasi anda untuk mendapatkan petunjuk.

- **Jika mengambil berlebihan** (terlebih dos)

Sekiranya mengambil berlebihan dos, atau HYTRIN dimakan oleh kanak-kanak, segera telefon doktor atau Pusat Maklumat Racun (telefon 13 11 26) untuk mendapatkan nasihat, atau pergi ke hospital berdekatan sekiranya anda merasakan bahawa anda atau terdapat orang lain yang mengambil HYTRIN secara berlebihan. Lakukan juga walaupun tiada sebarang keselesaan atau keracunan terjadi. Anda mungkin memerlukan rawatan rapi.

Sekiranya anda mengambil berlebihan HYTRIN, ia mungkin mengakibatkan penurunan tekanan darah yang drastik dan mendorong kepada simptom seperti pening kepala, pitam dan kadar degupan jantung yang laju.

### Semasa menggunakan HYTRIN

---

- **Perkara yang perlu dilakukan** Sekiranya anda mengandung semasa mengambil HYTRIN, beritahulah doktor anda.

Beritahulah semua para doktor, doktor pergigian dan ahli farmasi yang ingin merawat anda dengan HYTRIN.

Sekiranya anda akan melalui pembedahan termasuk pembedahan pergigian, beritahulah

doktor atau doktor pergigian yang anda sedang mengambil HYTRIN. Berjumpalah doktor anda secara kerap agar mereka boleh memeriksa perkembangan anda.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan mengambil HYTRIN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diberitahu oleh doktor.

Jangan berhenti mengambil HYTRIN atau menurunkan dos yang sepatutnya tanpa menyemak dengan doktor anda.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**

Berhati-hati apabila bangun dari posisi duduk. Pening kepala, pitam dan kepala berasa ringan mungkin terjadi terutamanya apabila berdiri terlalu pantas. Bangun secara perlahan dapat membantu.

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu apa kesan HYTRIN pada diri anda.

Dengan pengambilan ubatan lain, HYTRIN mungkin menyebabkan pening kepala, kepenatan serta kepala berasa ringan pada sesetengah pesakit. Sekiranya ini berlaku, jangan memandu, mengendalikan mesin atau kerja lain yang boleh membahayakan sekiranya anda penat, pening kepala atau kepala berasa ringan. Adalah dinasihatkan supaya tidak memandu atau melakukan kerja berat selama 12 jam selepas pengambilan dos yang pertama atau meneruskan terapi setelah beberapa lama meninggalkannya.

Sekiranya anda minum alkohol semasa mengambil HYTRIN, pening kepala atau kepala berasa ringan akan bertambah teruk.

### Kesan-kesan sampingan

---

# HYTRIN

## Terazosin hydrochloride

**Beritahulah doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin sekiranya anda rasa kurang sihat semasa mengambil HYTRIN.**

Seperti ubat-ubatan lain, HYTRIN mungkin menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini kepada sesetengah pesakit. Kadang-kala kesan ini mungkin serius namun kebanyakan kesan adalah tidak sebegitu serius. Anda mungkin perlu melalui rawatan perubatan sekiranya terdapat sebarang kesan sampingan.

Seperti ubat-ubatan lain, sekiranya umur anda melebihi 65 tahun, anda mungkin mudah untuk mendapat kesan sampingan. Sebarang laporan mengenai kesan sampingan hendaklah segera memberitahu doktor.

**Tanyalah pada doktor dan ahli farmasi anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan.**

**Beritahulah pada doktor sekiranya anda perasan terdapat kesan sampingan yang merisaukan anda**

- pening kepala
- kepenatan
- degupan jantung yang tak stabil
- loya
- hidung tersumbat
- pandangan kabur
- mati pucuk

Sesetengah kesan sampingan ini mungkin berkurangan mengikut masa. Semua ini boleh disongsangkan dengan terapi yang sesuai.

**Kesan sampingan yang lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin terjadi bagi sesetengah pesakit. Beritahulah pada doktor anda sekiranya anda perasan sesuatu yang mungkin menyebabkan anda kurang sihat. Jangan khuatir dengan segala kesan sampingan yang disenaraikan. Anda mungkin tidak mengalaminya.**

### **Cara penyimpanan dan pelupusan HYTRIN**

#### ● Penyimpanan

**Simpan pil dalam bungkusan sehingga masa yang diperlukan.**

Sekiranya anda mengambil pil keluar dari bungkusan, ia mungkin tidak disimpan dengan baik.

**Simpan HYTRIN di tempat yang sejuk dan kering di bawah suhu 25°C,**

**Jangan simpan HYTRIN atau ubatan lain dalam bilik mandi atau berdekatan dandan sinki.**

**Jangan biarkan ubat di dalam kereta atau pada tempat panas atau berdekatan dengan tingkap.**

Panas dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

**Simpan pil di tempat yang jauh dari jangkauan kanak-kanak.**

Almari berkunci yang berketinggian sekurang-kurangnya satu setengah meter dari dasar adalah sesuai untuk menyimpan ubat.

#### ● Pelupusan

**Sekiranya doktor anda memberitahu supaya berhenti dari mengambil HYTRIN atau pil telah pun melebihi tarikh luput, tanyalah pada ahli farmasi anda mengenai lebihan pil tersebut.**

### **Maklumat lanjut**

#### ● Rupa dan warna produk

HYTRIN terdapat dalam beberapa jenis iaitu;

HYTRIN 1mg: Pil bulat berwarna putih

HYTRIN 2mg: Pil bulat berwarna kuning

HYTRIN 5mg: Pil bulat berwarna tan

HYTRIN Pek Permulaan mengandungi 7 X 1mg pil dan 7 x 2mg pil dalam pek blister pada kotak kad manila.

HYTRIN 2mg pil dan 5mg pil dibekalkan dalam bentuk pek blister yang mengandungi 28 pil pada kotak kad manila.

#### ● Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif yang terkandung dalam HYTRIN adalah terazosin hydrochloride. Setial pil mengandungi lactose, maize starch, pregelatinised maize starch, purified talc and magnesium stearate.

HYTRIN 1mg pil tidak mengandungi sebarang perwarna

HYTRIN 2mg pil mengandungi Dye Quinoline Yellow CI47005-Aluminium Lake

HYTRIN 5mg pil mengandungi Dye Iron Oxide Red CI77491, Iron Oxide Yellow CI77492, Iron Oxide Black CI77499.

- Nombor MAL  
HYTRIN 1mg Tablet –  
MAL20014488AC  
HYTRIN 2mg Tablet –  
MAL20014489AC  
HYTRIN 5mg Tablet –  
MAL20014490AC

### **Pengilang**

Aesica Queenborough Limited  
Queenborough, Kent ME11 5EL,  
United Kingdom

### **Tarikh kemaskini RiMUP:**

7 Disember 2011